

Temasya Universiade 2013 di Kazan, Rusia bulan depan

# Azizah tekad julang Malaysia

SELEPAS hasratnya beraksi pada Sukan Olimpik 2012 di London tersekat gara-gara kesilapan teknikal, atlet angkat berat wanita negara, Azizah Fadzil bertekad melakar kejutan pada Sukan Universiti Dunia (Universiade) 2013 di Kazan, Rusia bulan depan.

Azizah berkata, dia menetapkan sasaran untuk berada dalam kelompok 10 terbaik dan pada masa sama akan berusaha menyumbang pingat pertama kepada negara dalam acara berkenaan.

"Persaingan di sana (Kazan) memang sengit. Negara-negara Asia Barat termasuk kuasa baharu, China mempunyai atlet elit dan pelapis angkat berat yang hebat.

"Kita tidak boleh jangka keadaan di sana. Saya pun baru kali pertama sertai temasya itu.

"Tahun lepas saya tidak banyak sertai kejohanan besar kerana terpaksa memberi tumpuan kepada aksi kelayakan Sukan Olimpik London.

"Namun, pada saat-saat akhir saya tidak dapat ke London. Saya akan jadikan cabaran di Universiade untuk menebus kekecewaan saya sebelum ini," kata Azizah yang juga pemegang rekod kebangsaan bagi kategori 53 kilogram (kg).

Penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berasal dari Pulau Pinang itu tidak


dapat mewakili negara pada temasya Sukan Olimpik 2012 selepas slotnya diberikan kepada atlet Vietnam pada saat-saat akhir.

Biarpun tidak menyertai sebarang kejohanan antarabangsa tahun ini, Azizah tetap optimis mampu menggalas cabaran negara di Kazan selepas mendapat bimbingan dan bantuan daripada Majlis Sukan Negara (MSN) dan Persekutuan Angkat Berat Malaysia dalam program latihannya.

Atlet berusia 22 tahun itu berkata, dia yakin mampu memperbaharui rekod kebangsaan yang sebelum ini diciptanya pada Sukan SEA 2011 di Palembang, Indonesia dengan angkatan 79kg bagi acara *snatch* dan 97kg untuk *clean & jerk*.

Buat julung-julung kalinya, selain Azizah, kontinjen negara turut menyenaraikan seorang lagi atlet angkat berat wanita iaitu Frenceay Titus bagi kategori 58kg pada temasya itu.

Untuk rekod, Malaysia akan menyertai 14 acara termasuk hoki, badminton, terjun, menembak dan angkat berat yang mampu menyumbang pingat kepada negara pada temasya dwitahunan itu yang dijadual bermula 6 hingga 17 Julai depan.



AZIZAH berazam menyumbang pingat buat kontinjen Malaysia pada Universiade 2013 di Kazan bulan depan.